

05/12/1997

Mengajak rakyat berkorban pulihkan ekonomi

Abdurrahman Haqqi

SAYA bayangkan seorang isteri berkata kepada suaminya: "Bang, kita ada lebih kereta, rumah sewa dan saya pun ada lebih barang perhiasan. Bagaimana jika kita jual barang lebih ini kemudian kita serahkan wang kepada Tabung Negara untuk bantu pulih ekonomi negara kita?"

Saya juga bayangkan seorang kakitangan kerajaan yang mewakili rakan-rakannya berkata kepada ketua jabatan: "Tuan, kami nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang mengambil berat kesejahteraan dan kemakmuran kami selama ini. Adalah sesuatu yang membanggakan kerajaan masih juga memikir memberikan bonus kepada kami walaupun dalam keadaan ekonomi sekarang. Kerana itu kami nak serahkan bonus kami tahun ini kepada Tabung Negara untuk bantu pulih ekonomi."

Saya turut membayangkan kakitangan swasta turut menyerahkan bonus mereka kepada Tabung Negara untuk tujuan sama.

Dalam bayangan itu, saya ternampak semua rakyat daripada yang kaya hingga yang miskin, tak mengenal agama, bangsa dan golongan berpusu-pusu menyerahkan sedikit sebanyak harta mereka kepada Tabung Negara dengan niat yang satu - membantu memulihkan ekonomi negara.

Jika serahan tertinggi, misalnya RM10,000 manakala terendah RM1, purata serahan adalah RM5,000. Andainya sasarannya berjumlah 10 juta daripada jumlah penduduk 20 juta, tentulah Tabung Negara akan mengumpul dana daripada rakyat sebagai 'darah daging' dan tonggak kehidupan mereka sendiri sebanyak RM50 bilion.

RM50 bilion itu diperoleh daripada rakyat sendiri yang tidak akan mensyaratkan untuk, misalnya, membuka pasaran negara kepada bank asing atau syarat 'penjajah' lainnya. Jumlah ini adalah bantuan ikhlas dan murni rakyat yang cintakan negara kepada Tabung Negara untuk ikut memulihkan ekonomi negara.

Bayangan di atas adalah sebahagian daripada gambaran nyata konsep at-ta'awan 'alal-birri sebagaimana diperintah al-Quran menerusi ayat yang bermaksud "Dan saling bertolonganlah kamu dalam mengerjakan kebajikan." (QS. al-Maidah: 2).

Petunjuknya lebih jelas jika kita membaca ayat di atas secara menyeluruh yang bermaksud 'Wahai orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar agama Allah, bulan yang dihormati, binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban). Binatang hadiah itu dan orang yang menuju ke Baitullah al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia daripada Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaan-Nya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci); dan apabila kamu selesai daripada ihram bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjidil Haram itu - mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."

Konsep at-ta'awun 'alal-birri adalah amalan rakyat negara Madinah pada zaman Nabi dan sesudahnya. Sebagai contoh, pada zaman Nabi di Madinah terjadi apa yang disebut al-Quran sebagai Sa'ah al-Usrah atau 'Masa Kesukaran' iaitu ketika Nabi mahu berperang melawan tentera Romawi di Tabuk, di utara Madinah pada tahun ke-9 Hijrah. Ketika itu, banyak kesukaran dihadapi negara Madinah antaranya datangnya musim panas.

Dengan keazaman yang kuat dan niat suci mereka berdiri di belakang Rasulullah dan mengikut apa yang diperintahkan baginda demi kejayaan perjuangan sehingga al-Quran merakamkannya dengan ayatnya bermaksud: "Sesungguhnya Allah menerima taubat Nabi dan orang Muhajirin dan Ansar yang mengikutnya (berjuang) dalam `Masa Kesukaran', sesudah hampir terpesong hati segolongan daripada mereka (daripada menurut Nabi untuk berjuang); kemudian Allah menerima taubat mereka, sesungguhnya Allah Amat Belas, lagi Maha Mengasihani terhadap mereka." - (QS. at-Taubah: 117).

Dalam menghadapi krisis di atas, Nabi mengajak rakyat Madinah untuk menyumbang sedaya upaya apa yang mereka miliki daripada harta dan nyawa. Sejarah Islam merakamkan kemurahan hati Othman Ibn Affan, seorang ahli korporat terunggul ketika itu, menyumbang 300 ekor unta bersama perbekalannya, 1,000 dinar dan menyerahkan sebuah perigi untuk keperluan warga Madinah sehingga Rasulullah pun reda kepada dan bersabda: "Apapun yang dilakukan Othman selepas ini tak akan mempengaruhi kemasukannya ke dalam syurga."

Othman dan juga sahabat yang lain melakukan hal di atas dengan senang hati dan tanpa rungutan kerana mereka mengimani firman Allah yang bermaksud: "Dan tidak pula mereka membelanjakan sesuatu perbelanjaan yang kecil, atau yang besar; dan tidak mereka melintas sesuatu lembah, melainkan ditulis pahala bagi mereka, supaya Allah membalas dengan balasan yang lebih baik daripada yang mereka kerjakan" (QS. - at-Taubah:121).

Dalam menghadapi krisis sekarang, kita memerlukan `Othman' kontemporari dan memaksimum konsep at-ta'awun 'alal-birri di kalangan seluruh masyarakat seperti dicontohkan masyarakat Madinah dulu.

"Kita," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu ketika memperjelas penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) seperti dipetik Bernama, "harus sanggup kerja siang malam, kerja lebih kuat, kerja lebih produktif tanpa rungutan kerana kita kerja bukan hanya untuk upah atau kerana diupah tetapi kerana negara, bangsa dan agama kita. Jika kita gagal maka kita tidak lagi dapat menguasai dan menentukan nasib kita. Orang lain yang akan menguasai dan menentukannya."

Demi mempertahankan maruah dan kemerdekaan negara, bangsa dan agama, jangankan harta benda yang berpisah dengan badan, nyawa pun digadaikan! Bukankah begitu?

(END)